

Newspaper	Berita Harian
Date	23 November 2015

Canberra, KL semakin kukuh

BH - 23/11/2015

» Australia puji usaha PM memerangi keganasan

► Kuala Lumpur


Australia mengiktiraf kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam memerangi keganasan dan menyifatkan kerjasama kedua-dua negara dalam isu itu 'tidak pernah sekukuh ini'.

Dalam pertemuan sulung antara kedua-dua pemimpin itu di luar Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di sini semalam, Perdana Menteri Australia, Malcolm Turnbull, berkata: "Saya ingin mengiktiraf Perdana Menteri (Najib) atas kepemimpinan mantapnya dalam usaha memerangi keganasan.

"Kepimpinan yang yang ditunjukkan sebagai ketua negara Islam yang besar ini dikenali di seluruh dunia. Saya memuji anda," katanya.

Dalam mesyuarat dua hala, Turnbull dan Najib bersetuju untuk meningkatkan tahap hubungan Malaysia-Australia kepada perkongsian strategik.

Menerusi Deklarasi Bersama Perkongsian Strategik Australia-Malaysia yang dikeluarkan, kedua-dua pemimpin melahirkan kebimbangan serius terhadap peningkatan ancaman keselamatan bukan tradisional



Najib bersama Turnbull pada mesyuarat dua hala bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO BERNAMA]

termasuk keganasan, ekstremisme melampau dan radikalisme.

Perkukuh kerjasama

Mengikut deklarasi itu, kedua-dua negara juga bersetuju memperkukuhkan kerjasama keselamatan termasuk meningkatkan pertukaran perisikan dan analisis keselamatan.

Malaysia dan Australia turut menyatakan sokongan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap usaha badan dunia itu dalam mencapai keamanan sejagat menerusi Inisiatif Latihan Pasukan Pengaman Ber-

sama Malaysia-Australia.

Sementara itu, Najib berkata, hubungan dua hala Malaysia-Australia kini memasuki fasa perkongsian strategik meliputi pelbagai aspek, terutama berkaitan keselamatan, ekonomi dan pendidikan.

Tegasnya, ia adalah keputusan penting antara Malaysia dan Australia, sekali gus mengukuhkan hubungan diplomatik yang terjalin sejak 60 tahun lalu.

Keputusan menggalakkan

"Mesyuarat ini menghasilkan keputusan memberangsangkan dan Malaysia serta Aus-

tralia tidak mempunyai masalah untuk mewujudkan lebih banyak peluang antara kedua-dua negara," katanya.

Turnbull dan Najib turut menandatangani serta bertukar buku khas bagi memperingati hubungan Malaysia-Australia yang dijalin sejak 60 tahun lalu.

Dalam perkembangan lain, Turnbull berkata, mesyuarat turut membincangkan usaha mencari pesawat MH370 di Lautan Hindi dan Australia mengulangi komitmen untuk meneruskan usaha pencarian pesawat yang hilang sejak 8 Mac 2014.